





FrieslandCampina 
nourishing by nature



Compass

Nourishing integrity

Compass menjadi panduan utama kita. Ia menyatukan tujuan, nilai dan prinsip perniagaan kita. Ia membantu kita Nourishing integrity dalam setiap tindakan kita, sentiasa memastikan kita Melakukan DAIRY dengan Betul.



Kata Pengantar

“ Kita semua menghayati nilai kita; cita-cita dan kepercayaan yang kita anggap penting. Ita ditanam dalam diri kita dan secara sedar, dan tidak sedar, menentukan cara kita bertindak.

Sebagai sebuah syarikat, kita juga mempunyai nilai yang membentuk cara kita bekerja. Kejayaan dan reputasi syarikat kita bergantung pada tingkah laku dan cara kita menjalankan perniagaan dengan betul setiap hari. Kepercayaan pelanggan, rakan kongsi dan pekerja kita terhadap kita juga bergantung pada perkara ini.

Oleh itu, saya percaya ia adalah penting untuk kita sentiasa bertindak dengan integriti, rasa hormat dan ketelusan.

Ini menentukan, sebagai contoh, cara kita mengendalikan aset syarikat, cara kita melindungi privasi satu sama lain dan cara kita memastikan persekitaran kerja yang selamat dan menghormati semua orang.

Kebanyakan daripada prinsip-prinsip ini adalah cukup jelas. Ia seiring dengan norma dan nilai kita. Namun, kadangkala kita mengalami situasi yang sukar atau janggal di mana kita tidak pasti tindakan yang perlu diambil. Apabila saya mendapati diri saya berhadapan dengan dilema sedemikian, mempunyai garis panduan yang jelas ini telah membantu saya membuat keputusan perniagaan yang betul dan beretika.

Untuk FrieslandCampina, prinsip-prinsip ini mengenai cara kerja kita dinyatakan dalam Compass.

Ia terpakai kepada anda dan kepada saya. Ia menjadi tanggungjawab kita sendiri untuk mengetahui dan mematuhi. Terutamanya dalam saat-saat keraguan, ia membantu anda membuat pilihan yang tepat dan saya juga menggalakkan anda untuk menghubungi rakan sekerta atau pengurus jaluran anda untuk membincangkan situasi tersebut. Ia sering memerlukan keberanian untuk “melakukan perkara yang betul” tetapi kita semua perlu komited kepada Melakukan DAIRY dengan Betul. Hanya bersama-sama kita boleh merealisasikannya.

Terima kasih kerana semakin mendalam pemahaman anda tentang Compass dan menggalakkan tingkah laku yang betul dalam FrieslandCampina yang penting kepada kejayaan berterusan perniagaan kita. Hari ini, dalam tahun 2030 dan untuk 150 tahun akan datang.

Jan Derck van Karnebeek
Chief Executive Officer
Royal FrieslandCampina N.V.

Kandungan

Cara menggunakan Compass	5
Bagaimanakah jika anda tidak dapat mencari jawapan yang anda perlukan?	6
Speak Up (Bersuara) jika anda mempunyai soalan atau kebimbangan	7

Menghormati Insan, Planet dan Produk

Safety, Health & Environment (SHE)	9
Sikap hormat di tempat kerja	10
Kelestarian	11
Keselamatan & Kualiti Makanan	12

Menjalankan Perniagaan dengan Integriti

Komunikasi yang adil	14
Aktiviti awam yang bertanggungjawab – melobi dan sumbangan politik	15
Mengelakkan rasuah	16
Persaingan yang adil	17
Integriti rakan perniagaan	18
Mengelakkan konflik kepentingan	19

Melindungi Maklumat dan Aset Kita

Privasi & Perlindungan Data	21
Melindungi maklumat sulit	22
Penggunaan sumber syarikat	23
Mencegah penipuan	24
Integriti pelaporan	25


Cara menggunakan Compass

Compass ialah panduan kita, “bintang utara” kita, yang menunjukkan arah dan cara kita bekerja. Ia menyatukan tujuan, nilai dan prinsip perniagaan kita untuk memastikan kita Nourishing integrity dalam setiap tindakan yang kita lakukan setiap hari.

Panduan ringkas ini bertujuan untuk membantu setiap pekerja di FrieslandCampina memahami Compass. Ia bukan tentang mengetahui setiap topik atau dasar secara terperinci, tetapi lebih kepada nilai yang terkandung di dalamnya.

Compass menerangkan tingkah laku dan set minda yang kita jangkakan untuk memastikan kita semua bertindak dengan integriti dan demi kepentingan terbaik syarikat. Ia bukan sekadar apa yang kita katakan tetapi juga perbuatan kita - tingkah laku kita - yang membuat perbezaan.

Kita memerlukan bantuan anda untuk menggalakkan kesedaran dan pemahaman tentang Compass. Anda tidak perlu menjadi pakar Compass untuk mewujudkan budaya dan persekitaran di mana setiap orang rasa dihormati dan bebas untuk menyuarakan sebarang keimbangan.



Bagaimakah jika anda tidak dapat mencari jawapan yang anda perlukan?

Compass menerangkan tingkah laku dan set minda yang kita harapkan daripada semua orang untuk memastikan kita semua bertindak dengan integriti dan demi kepentingan terbaik syarikat. Dalam panduan ini, setiap topik Compass diterangkan secara ringkas dan menyediakan pautan kepada maklumat lanjut dan dasar yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, panduan tidak boleh merangkumi sepenuhnya setiap situasi yang mungkin kita hadapi dalam kerja harian kita.

Kadangkala kita hanya perlu menggunakan akal fikiran dan pertimbangan profesional terbaik kita. Apabila ragu-ragu, cuba "ujian cermin". Ini merupakan cara yang cepat dan berkesan untuk menyemak sama ada situasi atau tingkah laku mungkin tidak boleh diterima mengikut Compass. Lihat sahaja di dalam cermin dan tanya diri anda:

Adakah saya berasa selesa untuk **menjelaskan keputusan saya?**

Adakah ini **rasa** betul?

Adakah ini **sah** di sisi undang-undang?

Adakah ini selaras dengan **nilai syarikat** kita?

Adakah ini demi **kepentingan terbaik** FrieslandCampina?

Ingat

apabila ragu-ragu, kita menggalakkan anda untuk sentiasa bertanya kepada pengurus jaluran atau rakan sekerja anda untuk mendapatkan penjelasan dan pemahaman lanjut.

Speak Up (Bersuara) jika anda mempunyai soalan atau kebimbangan


Jika anda mempunyai kebimbangan bahawa sesuatu tidak selaras dengan Compass, maka kita menggalakkan anda membincangkan perkara ini terlebih dahulu dengan pengurus jaluran atau pengurus HR anda. Kadangkala kita perlukan keberanian untuk bersuara, tapi tolonglah, jangan simpan dalam hati.

Jika anda tidak selesa untuk melakukan ini, anda boleh menghubungi Wakil Tempatan yang Dipercayai (Local Trusted Representative (LTR)) anda pada bila-bila masa. Anda boleh mendapatkan gambaran keseluruhan semua LTR kita pada laman web LTR Sharepoint khusus kita.

Atau, anda boleh menghubungi pasukan Etika & Pematuhan – secara tanpa nama dan keyakinan sepenuhnya – melalui proses Speak Up kita.

Kita tidak mempunyai toleransi sama sekali untuk sebarang bentuk tindakan ancaman balas atau layanan yang tidak adil. Dan proses Speak Up kita direka untuk sentiasa melindungi semua orang yang mungkin ingin mengemukakan kebimbangan.

Anda boleh mendapatkan butiran hubungan dan gambaran keseluruhan ringkas prosedur Speak Up kita di Compass dan laman web Speak Up Sharepoint kita. Maklumat disediakan dalam pelbagai bahasa. Dan kita sentiasa bersedia untuk mendengar.



Menghormati Insan, Planet dan Produk

Safety, Health & Environment (SHE)

Kita komited kepada budaya tempat kerja di mana semua orang bermotivasi untuk melindungi keselamatan diri mereka dan juga orang lain



“ Saya berpangkalan di salah satu lokasi pengeluaran kita. Apa yang saya sangat hargai adalah pengurus saya betul-betul menitikberatkan maklum balas mengenai keselamatan. Baru-baru ini, saya melihat bahawa dia tidak menggunakan penyumbat telinganya jadi saya mengingatkannya dan dia segera menggunakaninya. Sikap seperti itulah yang memberi inspirasi kepada kita semua ”

Kita semua menyumbang untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat dengan membantu mengenal pasti dan menangani situasi yang tidak selamat. Kita melaporkan, merekodkan dan menyiasat situasi tidak selamat dengan tepat untuk mengenal pasti punca dan mengambil tindakan pembetulan.

Kita bersuara apabila kita melihat tingkah laku tidak selamat rakan sekerja, memberi dan menerima, maklum balas yang bermanfaat dan bertindak ke atasnya dengan sewajarnya.


Kita komited terhadap keselamatan dan kesihatan semua orang dan dengan bekerjasama, kita memastikan keselamatan menjadi sebahagian daripada rutin harian kita. Kita tahu dan mematuhi Peraturan Menyelamatkan Nyawa kita untuk memastikan semua orang pulang ke rumah dengan selamat.

Ketahui lebih lanjut

Safety, Health & Environment (SHE)

Bagaimakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Ambil tindakan apabila anda melihat situasi yang tidak selamat
- ✓ Lengkapkan latihan keselamatan dan patuhi peraturan keselamatan kita
- ✓ Anggaplah maklum balas tentang tingkah laku tidak selamat sebagai sesuatu yang positif
- ✓ Galakkan perbincangan tentang isu keselamatan dalam pasukan anda dan dengan rakan sekerja
- ✓ Melaporkan dan menyiasat kejadian dengan tepat
- ✓ Menyumbang secara proaktif dalam menambah baik langkah keselamatan dan proses



Sikap hormat di tempat kerja

Kita mewujudkan tempat kerja di mana semua orang dilayan dengan penuh hormat

Bagaimanakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Luangkan masa untuk memahami sudut pandangan dan perspektif yang berbeza
- ✓ Menghargai latar belakang dan budaya masing-masing
- ✓ Cabar tingkah laku yang tidak sesuai seperti buli, gangguan atau diskriminasi
- ✓ Sedarlah bahawa sentuhan fizikal berbeza mengikut budaya dan setiap individu
- ✓ Ambil pendirian yang jelas terhadap tingkah laku yang tidak sesuai

Tempat kerja yang saling menghormati dibina berdasarkan tindakan kita semua. Kita bekerjasama untuk mewujudkan tempat kerja yang menghargai yang terbaik dalam setiap orang, di mana orang melayan satu sama lain dengan penuh hormat dan di mana perbezaan individu dihargai. Kita tidak menerima tingkah laku yang tidak sesuai seperti buli dan gangguan (seksual). Contohnya adalah menjerit, membuat isyarat mengancam, sentuhan fizikal atau komen yang bersifat seksual. Kita juga tidak menerima sebarang bentuk diskriminasi, seperti berdasarkan jantina, bangsa, umur, agama, kewarganegaraan atau orientasi seksual. Jika anda melihat atau mengalami sebarang kelakuan yang tidak boleh diterima, kita menggalakkan anda untuk bersuara. Bincangkannya dengan orang yang terlibat atau pengurus anda. Dengan cara ini syarikat kita boleh menjadi tempat bagus untuk bekerja.

Ketahui lebih lanjut

Sikap hormat di tempat kerja



“ Apabila kita mempunyai ahli pasukan baharu dari negara lain, kita berusaha untuk mempelajari lebih lanjut tentang budayanya supaya kita boleh membuatnya berasa dialu-alukan. Kita juga telah bersetuju untuk bercakap dalam Bahasa Inggeris di luar mesyuarat pasukan supaya dia dapat sentiasa memahami dan turut serta dalam perbualan santai di tempat kerja

Kelestarian

Kita menyediakan nutrisi yang seimbang untuk kesejahteraan manusia dan planet

“ Apabila mengusahakan pelancaran produk baharu, kita juga mengira jejak karbon. Kita hanya melancarkan apabila kita yakin jejak karbon produk baharu adalah lebih baik daripada produk yang digantikannya

Di FrieslandCampina, kita percaya bahawa memberikan nutrisi yang baik boleh dan seharusnya seiring dengan menjaga kesejahteraan insan dan planet kita. Setiap hari, kita sedang berusaha untuk memperbaiki keadaan, langkah demi langkah.

Apabila menjalankan perniagaan, ia adalah penting untuk mempertimbangkan cara kita mempengaruhi dunia di sekeliling kita. Bolehkah kita mencapai matlamat kita dengan kurang menjelaskan iklim atau alam semula jadi? Bolehkah kita membuat perubahan positif dalam kehidupan orang ramai? Melakukan perniagaan yang mampan bermakna mengimbangi minat dan mengambil tindakan untuk menambah baik. Dengan cara ini kita membuka jalan untuk masa depan yang lestari dan cerah untuk FrieslandCampina dan generasi akan datang.

Ketahui lebih lanjut
Kelestarian



Bagaimakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Bincangkan dengan pasukan anda cara anda boleh menyumbang kepada matlamat kelestarian FrieslandCampina
- ✓ Mempertimbangkan aspek alam sekitar, sosial dan pentadbiran dalam keputusan perniagaan anda
- ✓ Tanya rakan kongsi perniagaan anda tentang matlamat kelestarian mereka dan juga kongsi matlamat kita
- ✓ Kongsi idea anda tentang cara mengurangkan tenaga, air atau sisa di kilang/kemudahan pengeluaran atau pejabat
- ✓ Ambil tindakan atau tingkatkan kesedaran apabila anda melihat peluang untuk menambah baik dari segi nutrisi, manusia atau planet
- ✓ Lawati Akademi Kelestarian untuk mengetahui lebih lanjut tentang usaha dan program kita

Keselamatan & Kualiti Makanan

Kita komited untuk menyediakan produk berkualiti tinggi untuk pengguna dan pelanggan kita di seluruh dunia



“Kita tahu bahawa keyakinan pengguna mudah tergugat dan oleh sebab itu penting untuk memastikan kualiti produk tinggi dan sentiasa konsisten. Kita mahu pengguna kita bercakap tentang betapa mereka menyukai produk kita di media sosial.

Kita menghasilkan produk berkhasiat di banyak negara untuk pengguna dan pelanggan di seluruh dunia. Dengan berbuat demikian, kita menggunakan proses berkualiti tinggi yang dikendalikan oleh pekerja yang berkelayakan dan kita menggunakan prosedur operasi standard yang ketat. Topik seperti ‘keselamatan makanan’ atau ‘kualiti’ ialah perkara biasa, sehingga kita mungkin tidak menyedarinya. Namun, ini ialah lesen kita untuk beroperasi. Keselamatan makanan dan kesedaran kualiti ialah tanggungjawab semua orang. Kita semua perlu mengambil pendekatan proaktif untuk mengekalkan standard tinggi kita: memastikan tempat kerja yang bersih dan kemas, bekerja mengikut standard keselamatan makanan dan kualiti proses bertaraf global dan hanya menggunakan pembekal bahan yang diluluskan. Topik-topik ini tidak boleh dirundingkan. Bekerjasama untuk melakukan perkara yang betul, mencabar dan menyokong satu sama lain untuk melakukan perkara yang lebih baik, setiap hari.

Ketahui lebih lanjut

Keselamatan & Kualiti Makanan

Bagaimakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Sentiasa gunakan Peraturan Kualiti Emas kita
- ✓ Berani berkongsi ketidakpatuhan mengenai kebersihan, kekemasan, prosedur yang salah dan sebagainya
- ✓ Beri dan terima maklum balas
- ✓ Jangan kompromi keselamatan makanan atau kualiti demi kelajuan
- ✓ Hanya bekerjasama dengan pembekal bahan dan bahan pembungkus yang berkelayakan dan diluluskan

Menjalankan Perniagaan dengan Integriti

Komunikasi yang adil

Kita semua adalah duta syarikat. Kita tetap berwaspada dengan aktiviti kita dalam talian dan sentiasa berkomunikasi dengan cara yang hormat dan adil



“ Saya benar-benar percaya bahawa sebuah syarikat yang memiliki reputasi kukuh adalah sangat berharga. Ia menyokong kesetiaan pengguna dan pelanggan kita, kepercayaan daripada pihak berkepentingan kita, pelaburan daripada institusi kewangan dan keupayaan kita untuk menarik bakat

FrieslandCampina mempunyai reputasi yang kukuh, yang memberi manfaat kepada kita. Kita semua di seluruh dunia adalah duta syarikat, memainkan peranan penting dalam melindungi dan mengukuhkan reputasi syarikat melalui perkara-perkara yang kita kata dan buat. Di FrieslandCampina komunikasi kita, secara dalaman dan luaran, hendaklah sentiasa hormat, jujur dan adil.

Itulah sebabnya adalah sangat penting untuk kita mengetahui dasar tentang cara kita berkomunikasi di FrieslandCampina. Ia termasuk dasar Komunikasi Korporat kita, Dasar kita untuk Pemasaran Makanan Bayi, Standard Korporat kita mengenai Komunikasi Pemasaran Bertanggungjawab dan Maklumat Nutrisi, Panduan Krisis Korporat kita dan Garis Panduan Identiti Visual kita.

Ketahui lebih lanjut

Komunikasi yang adil

Bagaimanakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Pastikan anda mengetahui dasar, standard dan panduan berkaitan komunikasi dan pemasaran yang bertanggungjawab
- ✓ Pastikan komunikasi anda penuh rasa hormat, baik di dalam maupun di luar organisasi
- ✓ Jika anda ingin menyiaran mesej tentang FrieslandCampina di media sosial, sila ikut Garis Panduan Media Sosial kita
- ✓ Serahkan urusan media kepada jurucakap rasmi syarikat
- ✓ Jika anda berkomunikasi tentang makanan bayi, ketahui perkara yang boleh & tidak boleh dilakukan
- ✓ Jika ragu-ragu, hubungi Komunikasi Korporat untuk membincangkan situasi tersebut



Aktiviti awam yang bertanggungjawab - melobi dan sumbangan politik

Kita memastikan semua aktiviti awam dijalankan dengan cara yang dihormati dan tidak membahayakan reputasi syarikat kita

Bagaimanakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Hanya bekerjasama dengan kerajaan dalam menggubal peraturan dan undang-undang jika anda dilantik untuk berbuat demikian
- ✓ Jika anda berinteraksi dengan pegawai awam, anda mesti menerangkan dengan jelas peranan anda dan memastikan maklumat yang anda sampaikan adalah betul dan berdasarkan fakta
- ✓ Hanya sokong parti politik pada masa lapang anda dan elakkan memberi tanggapan bahawa anda bertindak bagi pihak syarikat kita
- ✓ Elakkan syarikat kita daripada membuat sumbangan atau sumbangan komuniti yang boleh menimbulkan kontroversi negatif dalam kalangan orang ramai

Kita menghormati hak setiap pekerja untuk terlibat dalam aktiviti politik. Walau bagaimanapun, adalah penting bahawa sebarang sokongan yang anda berikan dinyatakan dengan jelas sebagai sumbangan peribadi. Sebagai sebuah syarikat, kita tidak menyokong parti politik, kita juga tidak membuat sumbangan kewangan atau lain-lain (seperti masa atau produk) kepada sesiapa sahaja dalam politik.

Kita mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan mengenai isu sosial dan etika. Kita juga menggalakkan kakitangan yang dilantik untuk bekerjasama dengan kerajaan dan organisasi politik dalam menggubal peraturan dan undang-undang yang mungkin mempunyai sebarang kesan ke atas perniagaan kita.

Kita membuat sumbangan komuniti dan sumbangan amal secara telus dan profesional, sentiasa mematuhi peraturan dalaman kita.

Ketahui lebih lanjut

Aktiviti awam yang bertanggungjawab –
melobi dan sumbangan politik



“

Seorang rakan saya bekerja untuk kerajaan tempatan dan sering berbincang dengan saya mengenai topik politik yang berkaitan. Saya seronok bersempang dengan dia, tapi sentiasa pastikan ia jelas bahawa ini ialah pendapat peribadi saya

Mengelakkan rasuah

Kita tidak memberikan apa-apa yang bernilai kepada seseorang untuk mempengaruhi keputusan perniagaan

“ Salah seorang pembekal kita menawarkan saya tiket untuk perlumbaan Formula 1. Saya sangat teruja dengan peluang itu tetapi juga tidak pasti sama ada saya boleh menerima ini. Selepas berbincang dengan rakan sekerja, saya menyedari bahawa ini mungkin akan mempengaruhi hubungan perniagaan kita, jadi saya menolak dengan sopan.

Di FrieslandCampina, kita menyokong amalan perniagaan yang jujur dan tidak membenarkan sebarang bentuk rasuah. Kita tidak memberikan apa-apa yang bernilai dengan tujuan untuk mendapatkan perniagaan atau menerima layanan yang baik. Kita juga tidak menggunakan ejen atau pihak ketiga lain untuk memberi rasuah bagi pihak kita. Kita hanya menawarkan atau menerima hadiah di bawah € 50 (RM240) dan perjalanan atau hiburan di bawah € 150 (RM720). Mereka juga harus tidak kerap dan pada masa yang sesuai. Kita tidak pernah menawarkan apa sahaja dengan niat untuk menerima bantuan sebagai balasan atau untuk mempengaruhi keputusan perniagaan. Kepada pegawai awam kita tidak boleh menawarkan sebarang hadiah atau hiburan. Sentiasa semak perundangan tempatan kerana ini mungkin berbeza daripada dasar global. Apabila ragu-ragu, anda sentiasa boleh menyemak dengan Penasihat Undang-undang tempatan anda atau Pasukan Undang-undang Global.

Ketahui lebih lanjut
Mengelakkan rasuah



Bagaimakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Perlu ingat bahawa rasuah boleh muncul dalam berbagai bentuk, bukan sekadar wang tunai
- ✓ Hanya tawarkan atau terima hadiah di bawah € 50 (RM240) dan perjalanan atau hiburan di bawah € 150 (RM720)
- ✓ Apabila memulakan hubungan perniagaan baharu sentiasa pastikan rakan kongsi mengetahui amalan perniagaan kita yang jujur
- ✓ Jangan sekali-kali tawarkan sebarang hadiah atau hiburan kepada pegawai awam

Persaingan yang adil

Kita bersaing untuk menang, tetapi dengan cara yang jujur

Bagaimakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Elakkan daripada membincangkan harga, pasaran dan pelanggan dengan pesaing
- ✓ Jangan bertukar maklumat sensitif komersial dengan pesaing
- ✓ Berhati-hati semasa menghadiri mesyuarat persatuan perdagangan. Tinggalkan mesyuarat jika topik sensitif komersial dibincangkan
- ✓ Biarkan pelanggan bebas untuk menetapkan harga jualan semulanya sendiri
- ✓ Jika kita mempunyai kedudukan dominan dengan salah satu produk kita, anda perlu tahu perkara yang boleh dianggap sebagai penyalahgunaan kedudukan tersebut

Untuk menang dalam perniagaan kita perlu berdaya saing. Walau bagaimanapun, kita sentiasa melakukan ini dengan cara yang adil. Ini bermakna menjalankan perniagaan yang mematuhi undang-undang persaingan.

Kita tidak membincangkan tingkah laku komersial kita dengan pesaing, kita tidak bertukar maklumat sensitif dan kita tidak menyekat pelanggan kita untuk menetapkan harga jualan semula mereka sendiri. Jika kita mempunyai kedudukan dominan di mana-mana pasaran, kita tidak menyalahgunakannya. Apabila kita mempunyai sebarang keraguan tentang tindakan yang selaras dengan peraturan pertandingan, kita perlu membincangkan perkara ini secara dalaman terlebih dahulu.

Ketahui lebih lanjut

Persaingan yang adil



“

Minggu lepas saya menghadiri pameran perdagangan. Pengurus jualan salah seorang pesaing memulakan perbualan tentang harga pasaran. Saya segera memintanya berhenti bercakap tentang topik ini

Integriti rakan perniagaan

Kita hanya bekerjasama dengan rakan perniagaan yang menghargai dan menghormati standard integriti yang sama seperti kita



“ Salah seorang pelanggan saya menjalankan perniagaan di negara yang dikenakan sekatan perdagangan baharu. Saya segera menyemak sama ada sekatan-sekatan ini mempunyai kesan ke atas perniagaan kita

Kita menghargai rakan perniagaan kita dan sentiasa berusaha untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan dengan pembekal yang boleh dipercayai dan pelanggan. Kita hanya memasuki perkongsian perniagaan selepas rakan kongsi itu disaring dengan teliti. Kita memastikan mereka mematuhi peraturan yang berkaitan dan mematuhi kenyataan Amalan Perniagaan global untuk Rakan Perniagaan kita. Ini juga terpakai kepada usaha sama kita. Kita kerap menilai perkongsian sedia ada kita dengan, sebagai contoh, memantau pematuhan peraturan sekatan perdagangan kita, memastikan pembayaran yang kita terima tidak dihasilkan oleh aktiviti jenayah dan menyemak butiran semua invois.

Ketahui lebih lanjut
Integriti rakan perniagaan

Bagaimakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Bincangkan Amalan Perniagaan kita untuk Rakan Perniagaan apabila memasuki hubungan perniagaan baharu
- ✓ Pastikan rakan kongsi perniagaan tidak menggunakan pihak ketiga yang tidak dikenali untuk membayar kita
- ✓ Pastikan usaha sama kita mempunyai dasar dan prosedur pematuhan yang serupa dengan kita
- ✓ Hubungi Majlis Sekatan Perdagangan jika anda mengetahui bahawa pelanggan menjual produk kita kepada negara yang dikenakan sekatan seperti Iran atau Rusia

Mengelakkan konflik kepentingan

Kita memastikan kepentingan peribadi kita tidak bercanggah dengan kepentingan syarikat kita

Bekerja di FrieslandCampina bermakna kita bertindak demi kepentingan terbaik syarikat. Kita sentiasa sedar bahawa konflik kepentingan mungkin berlaku apabila perhubungan atau aktiviti peribadi boleh mempengaruhi keputusan perniagaan kita. Contohnya, jika anda ingin membantu ahli keluarga atau rakan mendapatkan pekerjaan di FrieslandCampina. Atau jika anda mempunyai pekerjaan sampingan yang mungkin bercanggah dengan peranan FrieslandCampina anda. Dalam situasi sedemikian, sentiasa berbincang secara terbuka dengan pengurus anda kerana biasanya penyelesaian yang baik boleh ditemui.

Ketahui lebih lanjut

Mengelakkan konflik kepentingan

Bagaimanakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Nyatakan secara jelas jika ada hubungan keluarga atau persahabatan dengan pembekal
- ✓ Elakkan penglibatan dalam prosedur perekrutan apabila rakan atau ahli keluarga adalah salah seorang calon
- ✓ Elakkan daripada mengadakan hubungan peribadi dengan seseorang yang di bawah penyeliaan anda
- ✓ Berhati-hati dengan pekerjaan sampingan atau kepentingan kewangan dalam syarikat lain, terutamanya dengan pesaing, pelanggan atau pembekal
- ✓ Jika anda mendapati diri anda berada dalam situasi di mana mungkin terdapat konflik kepentingan, bincangkan perkara ini dengan pengurus anda

“

Saya mempunyai rakan yang memiliki syarikat katering yang boleh menyediakan perkhidmatan kepada FrieslandCampina. Saya berkongsi maklumat tentang syarikatnya dengan jabatan perolehan kita. Tetapi saya sudah berterus terang bahawa vendor tersebut adalah kawan saya dan saya tidak akan campur tangan dalam proses pemilihan



Melindungi Maklumat dan Aset Kita

Privasi & Perlindungan Data


Kita melindungi data peribadi dan mengendalikannya dengan berhati-hati

Bagaimanakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Ketahui cara mengendalikan data peribadi dan cara melindunginya
- ✓ Jika anda melihat (potensi) pelanggaran data , jangan teragak-agak dan laporkan kepada Meja Perkhidmatan kita
- ✓ Pastikan anda bekerjasama dengan Juara Privasi anda apabila mengendalikan data peribadi. Mereka boleh membantu anda mengendalikannya dengan cara yang betul

Kita berdedikasi untuk melindungi privasi pengguna, pekerja, ahli petani dan rakan perniagaan kita. Kita mematuhi undang-undang perlindungan data dan garis panduan dalaman kita sendiri untuk mengekalkan kawalan ke atas data yang kita bertanggungjawab. Ini termasuk hanya mengumpul data yang diperlukan untuk tujuan perniagaan kita yang munasabah serta memastikan komunikasi yang telus dan terbuka. Tambahan lagi, kita memastikan bahawa data adalah tepat, lengkap dan selamat. Dengan melakukan ini, kita menunjukkan komitmen kita untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan boleh dipercayai untuk semua orang yang berkongsi data peribadi mereka dengan kita.

Ketahui lebih lanjut
Privasi & Perlindungan Data



“ Memahami data peribadi yang kita ada dan cara kita boleh menggunakanannya, membolehkan saya mengembangkan perniagaan kita secara global dengan cara yang cekap

Melindungi maklumat sulit

Kita melindungi maklumat sulit FrieslandCampina daripada risiko yang semakin meningkat seperti kecurian, kebocoran dan penggunaan tanpa kebenaran

“ Saya faham bahawa maklumat tertentu sangat penting untuk syarikat kita dalam menjual produk dan membina reputasi sebagai syarikat inovasi. Saya menganggap data sebagai sumber paling berharga di dunia! Oleh itu, apabila saya menyertai persidangan atau pameran perdagangan, saya hanya berkongsi maklumat FrieslandCampina yang tersedia secara umum dan tidak rahsia ”

Kita komited untuk mengendalikan maklumat sulit secara bertanggungjawab kerana ia sangat penting bagi syarikat kita.

Pada masa kini, setiap syarikat mengumpul dan memproses sejumlah besar maklumat, memberikan mereka kelebihan kompetitif yang besar dan mempengaruhi kedudukan mereka dalam pasaran. Oleh itu, adalah penting bagi semua pekerja FrieslandCampina untuk menyedari kepentingan dan sensitiviti maklumat yang mereka akses dan proses. Mereka kemudian boleh melindunginya dengan cara yang betul.

Maklumat sulit FrieslandCampina, seperti margin produk atau data R&D, tidak seharusnya dikongsi dengan sesiapa sahaja di dalam atau di luar syarikat kita. Kita perlu mengikut prinsip dasar kita mengenai maklumat sulit. Maklumat sulit orang lain, seperti pesaing kita, digunakan hanya dengan cara yang sah dan jujur.

Ketahui lebih lanjut

Melindungi maklumat sulit

Bagaimakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Kongsi maklumat sulit hanya dengan rakan sekerja yang mempunyai sebab perniagaan yang sah untuk mengetahui dan tidak berkongsi lebih daripada yang diperlukan
- ✓ Mendedahkan maklumat sulit kepada individu atau syarikat lain hanya apabila terdapat tujuan perniagaan untuk berbuat demikian. Pastikan anda mempunyai Perjanjian Ketakdedahan yang ditandatangani
- ✓ Elakkan bercakap tentang maklumat sulit di tempat awam, seperti lif, pengangkutan awam dan restoran
- ✓ Melindungi maklumat sulit dalam apa jua bentuk ia dibawa, seperti dalam bentuk e-mel, kertas atau dokumen digital



Penggunaan sumber syarikat

Kita menggunakan dan melindungi sumber syarikat seolah-olah ia adalah milik kita

Kita menggunakan sumber syarikat dalam kerja kita setiap hari. Kebanyakan sumber ini mudah dilihat, seperti komputer riba atau peralatan dan alat kita. Tetapi terdapat juga aset yang kurang ketara seperti akaun bank, maklumat sulit atau resipi produk. Ia juga mempunyai nilai dan oleh itu juga merupakan sumber syarikat.

Sumber syarikat hanya boleh digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan. Kita memahami bahawa kadangkala adalah perlu untuk menggunakan sumber syarikat untuk urusan peribadi, seperti panggilan kepada keluarga dengan telefon mudah alih syarikat anda. Gunakan akal fikiran dan pertimbangan terbaik anda dalam keadaan ini.

Ketahui lebih lanjut

Penggunaan sumber syarikat

Bagaimakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Jagalah semua sumber syarikat seperti anda menjaga barang sendiri
- ✓ Gunakan sumber untuk tujuan yang dimaksudkan
- ✓ Jangan sekali-kali menggunakan sumber syarikat untuk aktiviti komersial peribadi
- ✓ Apabila ragu-ragu, semak dengan pengurus anda
- ✓ Baca dasar Penggunaan IT Boleh Terima untuk memahami lebih lanjut tentang penggunaan sumber IT



“

Bagi saya, cara yang baik untuk memikirkan penggunaan harta syarikat adalah dengan menjaganya seperti mana saya mengharapkan orang lain menjaga barang-barang peribadi saya

Mencegah penipuan

Kita semua bertanggungjawab untuk membantu mencegah dan melaporkan penipuan dalam syarikat kita


Bagaimakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Pastikan maklumat yang anda laporan betul, seperti jumlah pengeluaran dan stok atau ramalan jualan
- ✓ Jangan lupa catatkan cuti, sakit dan tuntutan perbelanjaan anda dengan betul
- ✓ Berwaspadalah terhadap tingkah laku mencurigakan yang boleh menunjukkan penipuan
- ✓ Beranilah mencabar status quo jika cara kerja lama tidak lagi dirasakan tepat
- ✓ Jika anda mempunyai keraguan tentang sama ada penipuan sedang dilakukan, sentiasa bersuara dan berbincang dengan rakan sekerja atau pengurus anda

Dalam FrieslandCampina, kita mentakrifkan penipuan sebagai sebarang tindakan yang membolehkan kita memperoleh sesuatu yang bernilai dengan cara yang tidak jujur. Penipuan bukan hanya soal wang. Ia juga boleh mengubah angka pengeluaran untuk mencapai sasaran, mencuri harta syarikat, memalsukan dokumen seperti tuntutan perbelanjaan, dan tidak melaporkan cuti dengan betul.

Ia terpulang kepada kita semua untuk mencegah dan melaporkan penipuan. Kita perlu memastikan bahawa pekerja kita tidak melakukan penipuan, tetapi juga berhati-hati terhadap pihak ketiga yang ingin menipu FrieslandCampina. Tiada alasan untuk penipuan, termasuk tidak tahu atau berpur-pura tidak tahu.

Ketahui lebih lanjut
Mencegah penipuan



“ Saya sentiasa jujur dan memberi angka yang betul, tidak kira sama ada ia tuntutan perbelanjaan atau laporan yang komprehensif. Saya tidak menyembunyikan maklumat, walaupun ia bukan maklumat yang saya harapkan”

Integriti pelaporan

Kita sentiasa memastikan bahawa data yang kita laporkan boleh dipercayai dan lengkap



“ Saya mengendalikan banyak jenis data yang berbeza, jadi senang untuk keliru. Oleh itu, saya sentiasa menyemak semula sumber data saya dan merujuknya dengan jelas dalam laporan dan pembentangan yang saya sediakan

Ketepatan dan kesempurnaan data yang kita gunakan adalah penting untuk membuat keputusan perniagaan yang betul dan untuk dipatuhi. Kita harus menyediakan maklumat yang boleh dipercayai kepada pihak berkepentingan kita, dalaman dan luaran. Oleh itu, kita semua bertanggungjawab untuk memastikan bahawa rekod kita adalah telus, betul, lengkap dan terkini.

Sedari bahawa pelaporan adalah lebih daripada pelaporan kewangan kita. Ia juga termasuk laporan kualiti, keputusan ujian dan helaian masa. Tambahan lagi, pelaporan kelestarian alam sekitar dan sosial kita menjadi semakin penting. Itulah sebabnya setiap orang mempunyai kewajipan untuk menggunakan maklumat dengan jujur dan betul.

Ketahui lebih lanjut


Integriti pelaporan

Bagaimanakah anda boleh menyumbang?

- ✓ Sentiasa semak semula sumber data untuk memastikan ia adalah tepat dan terkini
- ✓ Pastikan hasil jualan, kewangan atau lain-lain sentiasa dilaporkan dalam tempoh ia berlaku
- ✓ Ingat bahawa pelaporan juga termasuk penggunaan data peribadi anda sendiri, seperti percutian dan laporan kesihatan
- ✓ Semak bahawa pelaporan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan
- ✓ Apabila ragu-ragu, bersikap telus dan bincangkan sebarang kebimbangan dengan rakan sekerja atau pengurus anda



FrieslandCampina 
nourishing by nature



Compass

Nourishing integrity

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan
atau kebimbangan, sila hubungi kita di:
businessconduct@frieslandcampina.com